

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1995

MKT 471 - Analisis Keputusan

Masa : [3 jam]

Jawab **SEMUA** soalan.

Bahagian I:

1. Kelab Remaja Cumi sedang merancang untuk mengadakan suatu pertunjukan konsert di salah satu daripada tiga kawasan di Pulau Pinang yakni kawasan A, kawasan B dan kawasan C yang masing-masingnya mempunyai dewan yang boleh memuatkan 10 ribu, 15 ribu dan 20 ribu penuntut. Kos sewaan dewan A, dewan B atau dewan C masing-masingnya ialah RM8,000, RM5,000 atau RM12,000. Konsert ini diadakan ialah untuk memungut derma bagi rumah kebajikan kanak-kanak. Tiket-tiket akan dijual dengan harga RM20 setiap satu dan penjualan tiket biasanya dibuat seminggu sebelum pertunjukkan. Tiket-tiket yang tidak dapat dijual akan mengakibatkan kerugian sebanyak RM3 setiap satu. Kedatangan penuntut ke pertunjukan ini dianggarkan di antara 10 ribu, 15 ribu atau 20 ribu orang.

Tentukan tindakan terbaik Kelab Remaja Cumi ini berdasarkan kepada kriterium-kriterium berikut:

- (a) Benar-benar pesimis.
- (b) Benar-benar optimis.
- (c) Savage
- (d) Laplace.
- (e) Hurwicz dengan indeks optimisnya ialah 0.4.

[25 markah]

2. Tentukan strategi optimum untuk pemain A dan pemain B dan juga nilai permainan untuk keadaan-keadaan berikut:

(a)

	B1	B2	B3	B4
A1	15	3	8	4
A2	2	-1	4	3
A3	3	10	14	9
A4	1	2	0	7

.../2-